LAPORAN PELAKSANAAN EKSPO TVET@KKDW 2025

1. PENDAHULUAN

1.1 Ekspo TVET@KKDW 2025 merupakan acara tahunan berskala nasional anjuran Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) yang berperanan sebagai platform utama memperkukuh promosi, penjenamaan dan pengarusperdanaan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

1.2 Penganjuran edisi ketujuh ini selaras dengan aspirasi Dasar TVET Negara 2030, khususnya di bawah Teras Strategik E: TVET Pilihan Utama Kerjaya, yang menekankan empat strategi utama:

(i) E1: Promosi Berimpak Tinggi
(ii) E2: Pembinaan Jenama TVET Kebangsaan
(iii) E3: Pemantapan Imej TVET
(iv) E4: Pemerkasaan Bimbingan Kerjaya

1.3 Ekspo ini menghimpunkan agensi dan institusi TVET di bawah KKDW, termasuk MARA, KEMAS, JAKOA, RISDA, FELCRA, PERDA, KEDA dan KETENGAH, serta rakan strategik industri dan institusi TVET awam dan swasta. Ia turut disokong oleh Majlis TVET Negara (MTVET) dan Kerajaan Negeri Perak.

1.4 Pelaksanaan Ekspo TVET@KKDW 2025 menjadi wahana penyatuan pelbagai inisiatif TVET ke arah membentuk ekosistem kemahiran nasional yang responsif terhadap keperluan industri, sejajar dengan agenda pembangunan luar bandar, inklusiviti dan kemampanan negara.

2. OBJEKTIF

2.1 Ekspo TVET@KKDW 2025 dilaksanakan dengan objektif untuk:

(i) Mempromosikan program dan peluang latihan kemahiran oleh agensi serta institusi TVET di bawah KKDW kepada masyarakat.
(ii) Menyediakan platform interaksi langsung antara masyarakat bandar dan luar bandar dengan ekosistem TVET.
(iii) Mengukuhkan sinergi antara KKDW, agensi, industri dan rakan strategik dalam memperkukuh agenda TVET nasional.

3. PELAKSANAAN PROGRAM

3.1 Butiran pelaksanaan program:

(i) Tarikh: 10 – 12 Oktober 2025 (Jumaat – Ahad)
(ii) Tempat: Ipoh Convention Centre (ICC), Perak
(iii) Tema: "TVET Masa Depan: Berkemahiran, Berinovasi, Berteknologi Tinggi"
(iv) Sasaran Pengunjung: 300,000 orang (100,000 fizikal, 200,000 maya)

3.2 Butiran Majlis Perasmian dan Majlis Penyampaian Hadiah Ekspo TVET@KKDW 2025:

(i) Majlis Perasmian: YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah (11 Oktober 2025)

(ii) Majlis Penyampaian Hadiah: YB Datuk Hajah Rubiah binti Wang, Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah (12 Oktober 2025)

3.3 Ekspo ini turut disiarkan secara dalam talian melalui portal rasmi https://ekspotvet.rurallink.gov.my dan media sosial KKDW.

4. BUTIRAN AKTIVITI, OUTPUT, OUTCOME DAN IMPAK

4.1 Pelaksanaan ekspo dibahagikan kepada enam (6) ruang utama yang menyeluruh.

4.2 Butiran aktiviti, output, outcome dan impak adalah seperti berikut:

RUANG / AKTIVITI ***HIGHLIGHT***	***OUTPUT***	***OUTCOME***	**IMPAK**
RUANG PAMERAN & DEMONSTRASI • Pameran institusi TVET@KKDW dan ILKA/ILKS	• 16 reruai pameran dengan penglibatan 11 institusi TVET • 10 demonstrasi teknologi	• Peningkatan pengetahuan awam mengenai peluang TVET@KKDW	• TVET diposisikan sebagai laluan kerjaya utama, bukan sekadar alternatif

RUANG / AKTIVITI *HIGHLIGHT*	***OUTPUT***	***OUTCOME***	**IMPAK**
• Pengambilan terbuka kursus TVET • Demonstrasi kemahiran dan sesi *hands-on* • Pertunjukan fesyen	(automasi, rekaan digital dan sebagainya) • 98 rekaan pertunjukan fesyen	• Meningkatkan minat kemasukan ke institusi TVET (sasaran peningkatan 10% pengambilan 2026)	• Mengukuhkan jenama TVET KKDW sebagai peneraju pendidikan kemahiran luar bandar
RUANG KREATIVITI & INOVASI • Pertandingan Arca Kreatif dan Inovasi TVET	• 77 penyertaan pertandingan inovasi • 26 penyertaan pertandingan arca kreatif	• Meningkatkan budaya reka cipta dan kreativiti pelajar TVET • Pengiktirafan kepada pelajar berpotensi tinggi dalam bidang teknologi dan reka bentuk	• Melahirkan generasi pelajar TVET yang inovatif dan seiring Revolusi Industri 4.0 • Menyumbang kepada pembangunan ekonomi berasaskan inovasi
RUANG PERTANDINGAN KEMAHIRAN • Pertandingan Fesyen, Dron, Robattle, E-Sport, Filem Pendek AI, Cabaran Kulinari & Teh Tarik	• 149 penyertaan dari pelbagai institusi TVET seluruh negara • Keseluruhan 58 pemenang pertandingan telah direkodkan, dengan 38 daripada mereka menerima anugerah pada Majlis Penutupan	• Meningkatkan kemahiran praktikal dan semangat kompetitif pelajar TVET • Memupuk integrasi kemahiran teknikal dan kreativiti digital	• Membentuk tenaga kerja muda berkemahiran tinggi dengan keupayaan multidisiplin • Menjadikan TVET sebagai landasan pembentukan modal insan inovatif dan produktif
RUANG TEKNOUSAHAWAN	• 14 usahawan TVET menyertai pameran	• Meningkatkan kesedaran bahawa kemahiran TVET boleh	• TVET menjadi pemangkin ekonomi baharu berasaskan inovasi

RUANG / AKTIVITI *HIGHLIGHT*	***OUTPUT***	***OUTCOME***	**IMPAK**
• Pameran teknousahawan • Pertandingan *Biz Pitching* • Gerai jualan usahawan	Teknousahawan • 42 usahawan telah menyertai gerai jualan usahawan, melibatkan 30 usahawan desa, 6 usahawan masakan panas, dan 6 usahawan *foodtruck*	diterjemahkan kepada peluang perniagaan • Memperkukuh ekosistem TVET dalam bidang keusahawanan	• Mewujudkan peluang pekerjaan melalui penciptaan perniagaan sendiri (*job creator*)
RUANG RAKAN STRATEGIK & KERJAYA • Pameran Rakan Strategik • Pameran industri • *MyFutureJobs Career Carnival* • *Webinar* • *Masterclass* • *Wall Of Fame* • *Podcast* • Sesi Simbolik Penyerahan Alat Bantu Mengajar - Beifang	• 22 pempamer rakan strategik • 17 pempamer industri • 19 syarikat menawarkan > 2,400 peluang pekerjaan • Sejumlah 506 calon telah ditemu duga; 98 daripadanya berjaya ke temu duga kedua, dan 75 calon disahkan berjaya • 17 slot *webinar* • 15 sesi *masterclass*/ *upskilling* percuma • 145,855 penyertaan	• Meningkatkan kebolehpasaran graduan TVET • Membina jaringan strategik antara institusi TVET dan industri	• Graduan TVET lebih bersedia menghadapi pasaran kerja berkemahiran tinggi • Menyumbang kepada penurunan kadar pengangguran belia luar bandar

RUANG / AKTIVITI *HIGHLIGHT*	*OUTPUT*	*OUTCOME*	IMPAK
	webinar secara dalam talian • 29 ikon bagi *Wall of Fame* • 16 sesi *Podcast* • 6 Institusi terlibat dalam sesi simbolik penyerahan alat bantu mengajar - Beifang		
RUANG KOMUNITI & SERVIS • TVET Cilik • TVET Komuniti • TVET Tahfiz • TVET GIG • Program SERI (Selenggara Elektrik Rumah Impian)	• 250 penyertaan TVET Cilik • 20 penyertaan institusi tahfiz dalam TVET Tahfiz • 7 pelajar tahfiz menerima peralatan pembelajaran Huffaz *Technologist* • 50 rumah B40 menerima servis penyelenggaraan elektrik percuma	• Memupuk kesedaran awal terhadap TVET dalam kalangan pelajar sekolah • Mengukuhkan nilai kemanusiaan dan khidmat masyarakat dalam diri pelatih TVET	• Meningkatkan keterlihatan dan reputasi TVET sebagai inisiatif berjiwa rakyat • Menyemai semangat kesukarelawanan dan nilai ihsan dalam ekosistem TVET

5. OUTCOME DAN IMPAK MENYELURUH

5.1 Outcome Keseluruhan:

(i) Peningkatan keterlihatan dan reputasi TVET@KKDW di peringkat nasional.

(ii) Meningkatkan minat masyarakat terhadap program kemahiran (jangkaan peningkatan pengambilan pelajar 10% pada 2026).

(iii) Mengukuhkan hubungan industri–institusi bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan.

(iv) Menyokong pelaksanaan Strategi E1–E4 Dasar TVET Negara 2030.

5.2 Impak Menyeluruh:

(v) TVET menjadi pemacu pembangunan sosioekonomi luar bandar melalui kemahiran berimpak tinggi.

(vi) Mewujudkan tenaga kerja berkemahiran dan berpendapatan tinggi selaras aspirasi Malaysia MADANI.

(vii) Menjadikan KKDW sebagai peneraju pelaksanaan TVET untuk pembangunan luar bandar yang inklusif dan mampan.

6. RUMUSAN DAN PENUTUP

6.1 Ekspo TVET@KKDW 2025 bukan sekadar platform promosi, tetapi medium pemerkasaan TVET nasional. Penganjuran ini berjaya memperkukuh keterlihatan, memantapkan imej serta memacu penjenamaan TVET sebagai laluan utama pendidikan dan kerjaya generasi muda.

6.2 Melalui penglibatan aktif institusi di bawah KKDW, rakan industri dan komuniti, ekspo ini membuktikan bahawa TVET bukan hanya jalan untuk mendapatkan pekerjaan tetapi wadah membina masa depan, mencipta peluang baharu, serta membentuk negara berkemahiran tinggi dan berdaya saing global.

Bahagian Korporat dan Pembangunan Kemahiran
Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW)
19 Oktober 2025